

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, March 4, 2019 4:56 PM
To: UUM - All Staff
Subject: Taklimat Self-Assessment Instrumen Anugerah Kecemerlangan UUM Sesi 2017/2018
Importance: High



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

04 MAC 2019 / 27 JAMADILAKHIR 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Institut Pengurusan Kualiti

TAKLIMAT *SELF-ASSESSMENT* INSTRUMEN ANUGERAH KECEMERLANGAN UUM SESI 2017/2018



UUM ONLINE: Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) dengan kerjasama Pusat Pengujian, Pengukuran dan Penilaian (CeTMA) telah mengadakan taklimat Anugerah Kecemerlangan UUM bagi sesi penilaian 2017/2018 kepada wakil setiap pusat pengajian (PP) dan pusat tanggungjawab (PTJ) yang terdiri daripada 40 orang Pegawai Tadbir dan Penolong Pegawai Tadbir.

Taklimat YANG diadakan di Dewan Seminar C, Pusat Konvensyen ini bertujuan menerangkan instrumen yang telah dibuat penambahbaikan supaya lebih sistematik.

Selain itu, setiap PTJ/PP perlu melakukan audit secara *self-assessment* dan laporan akan dihantar terus kepada IPQ di mana IPQ akan membuat pemilihan top5 atau top3

berdasarkan markah penilaian yang diperolehi dan akan dicampur dengan markah Audit Kewangan dan pencapaian KPI bagi tahun 2017 dan 2018.

Ketua Penolong Pengarah IPQ, Faizah Hashim dalam ucapan aluannya berkata, tugas Pegawai Tadbir bagi setiap PP/PTJ amat penting dalam membantu pusat pengajian dan pusat tanggungjawab mengenalpasti aspek yang perlu diberikan penekanan bagi memenuhi kriteria yang ditetapkan.

“Semoga penilaian sendiri dalam aspek pengurusan perkhidmatan yang dijalankan nanti dapat memberi impak kepada diri tuan/puan, organisasi dan UUM amnya”, ujar beliau.

Taklimat kepada semua pegawai telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah CeTMA, Prof. Madya Dr. Shazida Jan Mohd Khan.

Dr. Shazida telah menerangkan butiran item-item beserta rubrik penilaian dalam instrumen tersebut dan juga pembahagian pemberat bagi kriteria Pengurusan, Kewangan dan Pelan Strategik.

Kajian semula instrumen anugerah kecemerlangan oleh beberapa orang ahli penyelidik ini telah dijalankan sejak September 2018.

Setiap PTJ/PP diberi masa selama tiga minggu untuk *self-assessment* ini dan pemilihan akan dibuat oleh urusetia selepas tempoh berkenaan.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.